

# IQRA'

**BULETIN PERPUSTAKAAN USIM**



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية الماليزية  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Isu No. 5

Mac 2009

ISSN 1986-174X

<http://lib.usim.edu.my>

Menarik di dalam...

## WHAT IS SDI?

MESYUARAT KUMPULAN PERPUSTAKAAN ISLAM MALAYSIA

KEMUDAHAN-KEMUDAHAN DI PERPUSTAKAAN USIM

*Mesyuarat PERPUN Kali Ke 5/2008*

PROSES PERPINDAHAN KE BANGUNAN BAHARU PERPUSTAKAAN



## PENGANJURAN

**COMLIS**  
World Congress of Muslim Librarians and Information Scientists **2008**

berlangsung dengan jayanya!!!



LAWATAN Ahli Mesyuarat Pentadbiran Fakulti

ISSN 1985-174X



9 771985 174000



Buletin IQRA' diterbitkan setiap empat bulan sekali mulai Jun 2007. Buletin ini memuatkan rencana, berita, ulasan buku dan bahan lain yang berkaitan dengan Jabatan perpustakaan USIM. Untuk sebarang maklumat lanjut, pertanyaan, komen atau cadangan, kiriman bahan boleh diajukan kepada:

**Editor,  
Buletin IQRA'  
Perpustakaan,  
Universiti Sains Islam  
Malaysia  
Bandar Baru Nilai  
71800 Nilai,  
Negeri Sembilan Darul Khusus**

**Tel.: 06-798 6202 / 6203  
Faks.: 06-799 3508  
E-Mel: su.timbcp@usim.edu.my /  
norazzah@usim.edu.my**

Diterbitkan oleh:  
Jabatan Perpustakaan,  
Universiti Sains Islam Malaysia.

## **Sidang Redaksi Buletin Iqra'**

Penasihat/Ketua Editor :  
Ketua Pustakawan

Editor:  
Pn. Nor Azzah bt. Momin

Pembantu Editor:  
Pn. Hasmida bt. Saleh  
En. Mohd. Helmi b. Masor @ Mansor

Pembantu Penerbitan :  
Pn. Noor Juliana bt. Husain  
Pn. Azreena Surya bt. Ahmad  
En. Mohd. Zulkarnain b. Shahdan

Wartawan:  
Pn. Wan Azura bt. Radzuan  
Pn. Nur Zuhaini bt. Yahya

Jurugambar:  
En. Hasrizal b. Yahya

Pemasaran/Edaran:  
Cik Aishahtun bt. Abd. Majid  
Cik Suharti bt. Tulos @ Abd Jalil



## *Kata Alu-aluan Editor*

*Daun pandan harum mewangi,  
Dihias bunga-bunga cantik berseri,  
Bangunan Perpustakaan tegak berdiri,  
Menjadi lambang komitmen kami.*

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah, bangunan Perpustakaan USIM telah siap dan telah memulakan operasi pada awal Januari lalu.

Bagi pihak Perpustakaan, saya mengharapkan agar segala kemudahan yang ada dalam bangunan baru ini akan dimanfaatkan dengan semaksimum mungkin oleh semua warga USIM. Ini kerana ia dibangunkan dengan mengambili kira keperluan semua, dan bukannya untuk kakitangan Perpustakaan sahaja.

Sepanjang tahun 2008, Perpustakaan, yang ketika itu masih beroperasi di bangunan sementara, telah menerima sebanyak lebih 126,000 kunjungan. Justeru, saya berharap agar jumlah ini akan meningkat berkali-kali ganda lagi dengan adanya pelbagai kemudahan di dalamnya.

Kepada warga USIM yang masih belum berkesempatan mengunjungi Perpustakaan, kami paparkan di sini beberapa maklumat serta gambar berkenaan kemudahan yang ada. Namun, untuk maklumat yang lebih lengkap, kami mengalu-alukan kedatangan semua warga USIM ke Perpustakaan dan menghadiri sesi taklimat oleh Bahagian Perkhidmatan Perpustakaan atau mendapatkan penerangan daripada para kakitangan yang bertugas di kaunter-kaunter Perpustakaan.

Selamat membaca dari selamat datang ke Perpustakaan.

Terima kasih atas kesediaan anda menatap Buletin ini. Wassalam.

**NOR AZZAH MOMIN  
Editor**

# PROSES PERPINDAHAN KE BANGUNAN BAHARU PERPUSTAKAAN

Disediakan oleh: Hasmida Saleh



Proses perpindahan ke bangunan baharu Perpustakaan telah dimulakan pada awal Disember 2008. Proses tersebut bermula pada 3 Disember 2008 dan berakhir pada 19 Disember 2008. Sempena perpindahan itu juga, satu majlis doa selamat telah diadakan pada 17 Disember 2008. Para jemputan terdiri daripada ahli MPU, Ketua-ketua Jabatan, dan para kontraktor. Perkhidmatan Perpustakaan di bangunan baharu telah mula beroperasi pada 22 Disember 2008.

## *Jadual Proses Perpindahan Ke Bangunan Baru Perpustakaan*

<i>Bil.</i>	<i>Perkara</i>	<i>Tarikh</i>
1.	Proses "packing" buku ke dalam kotak	3, 4 dan 5 Disember 2008
2.	Proses mengangkat buku oleh "mover"	9 Disember 2008
3.	Proses "packing" barang unit/peribadi ke dalam kotak	10 Disember 2008
4.	Proses "packing" peralatan dan perkakasan ICT ke dalam kotak.	11 Disember 2008
5.	Proses mengangkat barang -Unit, peribadi dan peralatan & perkakasan ICT oleh "mover"	12 Disember 2008
6.	Proses "Unpack" buku	15 – 17 Disember 2008
7.	Majlis doa selamat	17 Disember 2008
8.	"Unpack" dan pengujian peralatan & perkakasan ICT	18-19 Disember 2008



# WHAT IS SDI?



Prepared by: Mohd Helmi Masor @ Mansor

**S**elective Dissemination Information system is integrated with the Web Portal and allows users to save any number of bibliographic keyword search queries and then run them again at a later date.

Users can run these saved search queries as needed, or they can instruct the system to perform the searches automatically at a set frequency.

In this way, users can monitor new items that the library has added to its collections.

## Using SDI System users can:

- Perform bibliographic keyword searches.
- Save their search queries so that they can be executed again in the future.
- Schedule their SDI queries to be generated automatically.
- Request that their search results be emailed or mailed to them.
- Edit aspects related to the SDI queries.


## How to Use SDI ?

### STEP 1

Log in your patron account in the Library iPortal at address <http://library.usim.edu.my>

### STEP 2

Use the keyword search and type your bibliographic keyword search. For example you search under title Management.




### STEP 3

The results of your search will appear on the List of Titles Screen. As the example above :

### STEP 4

Click the Save Query for SDI button and the SDI screen appears. See the example below:



### STEP 5

To save your bibliographic keyword search query;

- From the Run Report Every list box, choose a frequency. Your search query will run automatically according to the schedule you choose.

- From the Show Results For list box, choose a period. This period determines which titles are included in the results when your search query is run automatically or manually. For example, if you choose Last Week, your results include the titles that meet your search criteria and were added to the database in the week preceding the Last Run date.

- In the Output E-mail Address field, type the e-mail address where you want the patron output to be sent when the search query is run automatically or manually. If you do not have an e-mail address or if you prefer to received paper copies of reports, leave the field blank.

- Click the Save Query button.

## REVIEW SDI


To run your saved search queries manually at any time you need to:

### STEP 1

Log in your Patron Account.

### STEP 2

Click the Review SDIs link. The list SDI Queries screen appears, as example below:



### Step 3

Select the radio button next to the search query that you want to run.

### Step 4

Click the Run Query button. The system displays a confirmation message, which indicates where the search results were sent.

## SDI RESULTS

In the SDI System whenever you runs a saved query manually via the Web Portal your output is generated and sent to either..

- Your e-mail Address

The results show as the example :

*Perpustakaan USIM,  
Bandar Baru Nilai,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan.*

### SDI Results

Query: (s:"chemistry")

Covers: 52 Weeks To Today

Results: 82

Link: <http://library.usim.edu.my/cgi-bin/gw/chameleon?sessionid=VTLS&function=CARDSCR&search=KEYWORD&lang=en&pos=1&host=10.8.252.15+1111+DEFAULT&u1=12101&t1=38388&submittheform=Search&recsperpage=10>

Item 1: Main Library /

Bib ID: 38388

Author: Timberlake, Karen.

Title: *Basic chemistry* / Karen C. Timberlake, William Timberlake..

Edition: 2nd ed.

Publication: San Francisco : Benjamin Cummings, c2008.

Physical Description: xxv, 700, 24 p. : col. ill. ; 28 cm.

Subject: Chemistry Textbooks.

Link: <http://library.usim.edu.my/cgi-bin/gw/chameleon?sessionid=VTLS&function=CARDSCR&search=KEYWORD&lang=en&pos=1&host=10.8.252.15+1111+DEFAULT&u1=12101&t1=38389&submittheform=Search&recsperpage=10>

Item 1: Main Library /

Bib ID: 38389

Author: Greco, Thomas G.


Title: *Experiments in General chemistry--principles & modern applications*, Petrucci, Harwood, Herring, Madura.

Edition: 9th ed. / Thomas G. Greco, Lyman H. Rickard, Gerald S. Weiss.

Publication: Upper Saddle River, NJ : Pearson Prentice Hall, c2007.

Physical Description: 346 p. : ill. ; 28 cm.

Subject: Chemistry Laboratory manuals.



## PENGANJURAN WORLD CONGRESS OF MUSLIM LIBRARIANS AND INFORMATION SCIENTISTS (WCOMLIS 2008)



Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Department of Library and Information Science (DLIS), International Islamic University Malaysia (IIUM), serta Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) dan Kumpulan Perpustakaan Islam Malaysia (KPIM) telah berjaya menganjurkan World Congress of Muslim Librarians and Information Scientists (wCOMLIS) 2008 yang diadakan pada 25 hingga 27 November 2008 bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur. wCOMLIS 2008 merupakan kesinambungan daripada 4 siri Congress of Muslim Librarians and Information Scientists (COMLIS) yang kali terakhir dilangsungkan di Tehran, Iran dalam tahun 1995 yang lalu. Kongres ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni USIM.

Seramai 161 orang peserta dalam dan luar negara telah berhimpun, berbincang, dan mendengar pembentangan dalam pelbagai topik. Sebanyak 35 kertas kerja telah dibentangkan oleh pembentang dalam dan luar negara di dalam wCOMLIS 2008 yang bertemakan "Knowledge empowerment and information resources enrichment". Antara pembentang yang hadir adalah dari negara Indonesia, Nigeria, Bangladesh, Iran, Jordan, Pakistan, India, dan tuan rumah Malaysia. Antara kertas kerja

yang mendapat sambutan hangat adalah daripada Dr. Mohammad Saraireh, Ketua Pustakawan, Yarmouk University, Jordan yang bertajuk "Yarmouk University Arabic Digital Library". Menurut Dr. Saraireh, lebih daripada 30,000 bahan yang terdiri daripada artikel jurnal pelbagai topik di Jordan telah pun didigitalkan. Buat masa ini ia masih di peringkat percubaan dan dalam jangkamasa yang terdekat akan dilancarkan untuk kegunaan perpustakaan yang memerlukan. Seorang lagi pembentang yang menarik perhatian ramai adalah Prof. Dr. Atallah Bogdan Kopanski dengan tajuk "Islamic manuscript in Polish Public Library, archives, and private collection". Hasil pembentangan beliau telah membuka mata banyak pihak tentang wujudnya manuskrip Islam di Poland walaupun tiada siapa menyangka tentang kewujudannya sebelum ini.

Dalam masa yang sama, urusan telahpun mengundang 3 orang tokoh yang berkarisma dan berpengetahuan luas sebagai "keynote speaker" iaitu Y.M Prof. Dato' Hj. Raja Abdullah Raja Yaacob daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM), (Developing competent professionals in managing Islamic information: the roles of library school); Y.Bhg Ustaz Dr. Muhammad Uthman El-Muhammady daripada International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), (Islamic civilization and knowledge enrichment: past history, present, and the way forward); dan yang terakhir Y.Bhg Dato' Zawiyah Baba daripada Universiti Kebangsaan

Malaysia (UKM), (The needs of competency in Islamic information management).

Idea penganjuran wCOMLIS 2008 pada asalnya datang daripada Dato' Zawiyah Baba sewaktu menyampaikan ceramah dalam satu bengkel yang diadakan oleh Kumpulan Perpustakaan Islam Malaysia (KPIM) dalam tahun 2006. Hanya 2 tahun selepas itu, barulah ia dapat direalisasikan hasil pengemblengan tenaga seramai lebih kurang 35 orang urus setia yang bertungkus lumus menjayakannya. Secara khususnya, kongres pada kali ini telah menetapkan 5 objektif, iaitu:

- i. Untuk berfungsi sebagai satu forum yang berkesan dan relevan dalam memperkasa dan memperkayakan kepakaran professional maklumat Islam;
- ii. Untuk memperkasa jaringan kerjasama dan perkongsian pintar di kalangan perpustakaan negara-negara Islam;
- iii. Untuk mengetahui isu-isu terkini yang berkaitan dengan pembangunan dunia kemakluman di negara-negara Islam;

iv. Untuk bekerjasama dalam membentuk tanda aras dan piawai yang sesuai bagi menambahbaik dunia kemakluman di negara-negara Islam; dan

v. Untuk menjadikan wCOMLIS 2008 sebagai nadi kekuatan dan kerjasama bagi pembangunan perpustakaan dan profesional maklumat di negara-negara Islam.

Melalui sidang resolusi, semua peserta bersetuju perlunya diwujudkan kesatuan di kalangan profesional yang mendukung industri kemakluman Islam. Justeru, wCOMLIS wajar diteruskan lagi pada masa akan datang demi mewujudkan kelangsungan perkongsian pintar dan pertukaran idea selain menjadi wadah ke arah memantapkan pengurusan maklumat Islam. Ada yang berpendapat, profesional bukan Islam perlu juga dijemput untuk menghadiri kongres kerana pendapat dan idea "orang luar" diperlukan untuk dijadikan panduan atau ukuran.



## MAJLIS DOA SELAMAT SEMPERNA PERPINDAHAN KE BANGUNAN BAHARU

**17 Disember 2008** – Majlis Doa Selamat dan Bacaan Yasin sempena perpindahan Jabatan Perpustakaan ke bangunan baharu telah diadakan. Ia telah dihadiri oleh Naib Canselor USIM, Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin, ahli Mesyuarat Pengurusan Universiti, para pegawai kanan USIM serta wakil-wakil daripada jabatan, fakulti, kakitangan Perpustakaan serta para kontraktor yang terlibat dalam pembangunan bangunan baharu ini.

Majlis ini telah diisi dengan bacaan Yasin dan doa selamat yang telah diketuai oleh En. Muhammad Hafizi bin Ahmad, Pustakawan di Unit Pembangunan Koleksi. Semoga perpindahan ke bangunan baharu ini akan diberkati dan operasi Perpustakaan akan berjalan dengan lancar dan bermanfaat kepada semua pengguna.



*Inilah tempatnya...  
dari nama ku tahu  
nilainya...*

Mambang merah datang mananda  
Malam beransur menyelubungi semesta  
Selamat pagi selamat sejahtera  
Ucapan salam pembuka bicara

Durian, manggis datang bermusim  
Masak ranum enak rasanya  
Tertubuhnya KUIM terkenalanya USIM  
Bertukar tempat dan prasarana

Tampak berseri dari seberang sana  
Berkilat-kilat disinar cahaya  
Menjadi pusat rujukan utama  
Perpustakaan USIM adalah tempatnya

Hujan turun petang Selasa  
Begitulah rutin perubahan cuaca  
Berbagai koleksi berbagai bahasa  
Disediakan untuk semua pembaca

Indah bentuk senibina tersendiri  
Gabungan bersama bahan maklumat  
yang berkualiti  
Slogan dicipta beridentitikan diri  
"Perpustakaan Bestari, Kualiti Lestari"

Sistem virtua sistem perpustakaan  
Membantu pengguna mencari bahan  
Semua kemudahan boleh digunakan  
Patutkah kita mensia-siakan

Akhir kata penutup bicara  
Azam dan usaha perlulah kekal  
Demi menggapai visi bersama  
Menjadi yang terunggul di peringkat global

*Hakcipta: Azlina Othman*

### Membaca Sambil Berjalan

*Abu Bakar bin Kayat an-Nadwi Imam Muhammad bin Ahmad bin Manshur As-Samarqandi (wafat 320H) tidak pernah membazir waktu. Ketika berjalan beliau sering kali membaca. Ada ketikanya beliau terjatuh ke dalam lubang atau tersepit kenderaan kerana asyik membaca! -*

*Dipetik daripada buku Pengurusan Masa: Konsep & Penghayatan oleh Zaini Ujang.*

## Statistik Perpustakaan

### Januari – Mac Tahun 2008 dan 2009

Bulan	Pengunjung		Pinjaman (Naskah)	
	2008	2009	2008	2009
Januari	14,142	10,374	2,789	5,162
Februari	13,849	15,787	3,809	5,174
Mac	13,451	14,338	3,352	4,104

### Januari – Mac Tahun 2008 dan 2009

Bulan	Pemulangan (Naskah)		Pembaharuan (Naskah)	
	2008	2009	2008	2009
Januari	1,872	4,242	238	1,430
Februari	6,673	5,874	403	1,926
Mac	5,976	6,621	981	2,127



# MESYUARAT KUMPULAN PERPUSTAKAAN ISLAM MALAYSIA

Mesyuarat Kumpulan Perpustakaan Islam Malaysia (KPIAM) telah diadakan pada 25 Februari 2009, di Bilik Mesyuarat Utama, Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh wakil-wakil daripada 23 institusi yang mempunyai Perpustakaan yang mengandungi koleksi bahan-bahan Islam iaitu:

- USIM;
- Universiti Malaya (UM);
- Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM);
- Universiti Sains Malaysia (USM);
- Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM);
- Universiti Darul Iman Malaysia (UDM);
- Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM);
- Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS);
- Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS);
- Kolej Universiti Insaniah (KUIN);
- Kolej Islam Darul Ridzuan;
- Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS);
- Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM);
- Perpustakaan Awam Islam, Jabatan Kemajuan Islam



Malaysia (JAKIM);

- Muzium Kesenian Islam Malaysia;
- Global University in Islamic Finance (INCEIF), Bank Negara Malaysia;
- Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH).

Mesyuarat ini telah membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh perpustakaan-perpustakaan Islam di samping mencari idea-idea untuk menambah baik perkhidmatan yang diberikan kepada para pengguna pada masa akan datang. Mesyuarat tersebut juga telah merancang beberapa aktiviti yang akan dibuat secara kerjasama di antara ahli. Selain itu, mesyuarat pada masa akan datang juga akan mengenal pasti perpustakaan-perpustakaan lain yang juga mempunyai koleksi Islam dalam jumlah yang besar untuk dijemput untuk menjadi ahli dalam KPIAM ini.



## Lawatan Akademik

1. Kakitangan Universitas Indonesia – *Disember 2008*
2. Kakitangan FPSK USIM – *24 Disember 2009*
3. Para Peserta Program Menikmati Program di Kampus – *16 Februari 2009*
4. Pelajar Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM – *4 Mac 2009*
5. Kakitangan Perpustakaan KUIS – *12 Mac 2009*
6. Ahli MPP USIM – *11 Mac 2009*
7. Kakitangan FKP USIM – *18 Mac 2009*
8. Kakitangan FEM USIM – *4 Mac 2009*






## Fasiliti Perpustakaan USIM



1. Kemudahan komputer untuk internet dan multimedia di Aras 3.
2. Kemudahan Meja Karel di Aras 2.
3. Ruang bacaan di Koleksi Undang-undang, Aras 2.



4. Kemudahan mesin selfcheck untuk meminjam bahan.
5. Kemudahan OPAC untuk pencarian bahan.
6. Kaunter Sirkulasi untuk rujukan bagi pengguna yang menghadapi masalah.
7. Para Pegawai di Meja Penasihat Pembaca membantu pengguna mencari maklumat.
8. Mesin bookdrop untuk pemulangan buku.

universiti sains islam  
malaysia

## ISSN

# (International Standard Serial Number)

Disediakan oleh: Aishahtun Abdul Majid.

The ISSN (International Standard Serial Number) is an eight-digit number which identifies all periodical publication as such, including electronic serials. Each ISSN assigned to all publication is registered in an international database: the ISSN Register. It is the most comprehensive and authoritative source for the identification of serial publication world-wide.

ISSN is managed by a world wide network of 85 National Centres coordinated by an International Centre based in Paris, backed by UNESCO and the French Government. The ISSN is used by various partners throughout the information chains: libraries, subscription agents, researchers, information scientists, newsagents (through its barcode version). In Malaysia, ISSN is managed by Perpustakaan Negara Malaysia through the establishment of International Serials Data System (ISDS) based on the Cabinet decision made in June 1976.

The ISSN begins with the acronym ISSN followed by two groups of four digits, separated by a hyphen. The last digit, which may be 0-9 or an X, is a check digit.

Example: ISSN 1394-3650

ISSN should be printed in a conspicuous place, be in the top right hand corner of the leather front of each issue of the serials publication issued.

All serials publication in Malaysia is eligible to be considered for ISSN. ISSN for private publishers will only be issued after the issuance of its serials publication permit from the Ministry of Home Affairs.

ISSN is been given free by National Center for ISSN Application. The procedure is only to complete the form and include a copy of KDN permit for private publisher and a copy of mock-up cover of the serials publication.

### References:

- 1) <http://www.issn.org>
- 2) [http://www.pnm.my/pnmx/services/services\\_content.php?mid=2&pg=2&content\\_id=270&session=1&sub\\_pg=12&bold=12](http://www.pnm.my/pnmx/services/services_content.php?mid=2&pg=2&content_id=270&session=1&sub_pg=12&bold=12)
- 3) <http://www.isn.org/en/node/64>





## Mesyuarat PERPUN Kali Ke 5/2008

Universiti Sains Islam Malaysia telah dipilih menjadi tuan rumah bagi mengadakan Persidangan Perpustakaan Universiti dan Perpustakaan Negara Malaysia atau nama singkatannya PERPUN kali ke 5/2008 pada 15.12.2008. Mesyuarat yang sepatutnya diadakan di bangunan baharu Perpustakaan USIM terpaksa ditukar di saat-saat akhir ke Dewan Senat, Bangunan Canselori, USIM kerana kerja-kerja perpindahan Perpustakaan masih belum siap sepenuhnya. Seramai 25 orang Ketua-Ketua Pustakawan Perpustakaan Universiti telah sama-sama turun ke USIM untuk menghadiri mesyuarat tersebut.

Secara amnya, mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk membincangkan bentuk-bentuk kerjasama yang boleh diwujudkan di kalangan perpustakaan akademik di Malaysia. Antara perkara-perkara yang dibincangkan ialah pewujudan rangkaian perpustakaan elektronik dan e-perkhidmatan di perpustakaan institusi pengajian tinggi serta skim perolehan bahan secara usahasama.

Mesyuarat diakhiri dengan sesi fotografi bersama ahli-ahli mesyuarat dan penyampaian cenderamata untuk mereka yang hadir.




## Kemudahan-kemudahan Di Perpustakaan USIM

1

### 1. BILIK TRANSIT PENSYARAH

Bilik Transit Pensyarah merupakan satu kemudahan baharu yang diwujudkan di bangunan baru Perpustakaan USIM. Ia disediakan khusus kepada para pensyarah sahaja dan pelajar tidak boleh menggunakan kemudahan ini. Kapasiti bilik ini boleh memuatkan seramai 12 orang dalam satu-satu masa. Ia dilengkapi dengan ruang kerja, meja bacaan, meja komputer, 2 unit komputer, 1 unit televisyen (tayangan ASTRO), kemudahan capaian internet dan sofa untuk ruang bacaan suratkhbar. Pensyarah yang ingin menggunakan bilik tersebut tidak perlu mendaftar terlebih dahulu dan bebas untuk menggunakannya tanpa had masa. Kemudahan bilik ini disediakan di Aras 1 dan tiada bayaran dikenakan.



2

sekiranya pengguna menghilangkan kunci bilik. Pengguna bebas menggunakan bilik tersebut tanpa had. Bilik-bilik tersebut telah diberi nama khusus, iaitu Al-Farabi di Aras 1 dan Al-Biruni di Aras 2. Pengguna yang ingin menggunakan Bilik Perbincangan perlu mendaftar terlebih dahulu di Kaunter Sirkulasi, Aras 1. Lokasi dan jumlah kapasiti pengguna untuk Bilik Perbincangan :-

### 2. BILIK PERBINCANGAN

Kemudahan Bilik Perbincangan di bangunan baharu Perpustakaan USIM telah dipertingkatkan dengan 8 buah bilik, berbanding sebuah bilik sebelum ini. Kemudahan ini disediakan agar pengguna bebas membuat perbincangan secara berkumpulan tanpa mengganggu pengguna lain, selain dapat mengelakkan kebisingan dalam Perpustakaan. Kemudahan ini terbuka kepada semua pengguna Perpustakaan USIM yang berdaftar dan tiada bayaran dikenakan. Kapasiti minimum pengguna adalah ditetapkan seramai 3 orang, manakala maksimum pengguna adalah seramai 10 orang. Namun begitu, caj denda sebanyak RM10.00 akan dikenakan


ARAS 1	KAPASITI
Al-Farabi 1	10 orang
Al-Farabi 2	6 orang
Al-Farabi 3	6 orang

ARAS 2	KAPASITI
Al-Biruni 1	8 orang
Al-Biruni 2	8 orang
Al-Biruni 3	8 orang
Al-Biruni 4	8 orang
Al-Biruni 5	8 orang

*bersambung di muka surat 20....*

# Promosi Bahan Multimedia

Diselenggara oleh: Hafizah Badri




## BREAKFAST : MOST IMPORTANT MEAL OF THE DAY

Publisher : Films Media Group  
 Year : 2006  
 Call Number : dvd TX733 .B74 2006  
 Subject : Breakfasts  
 Duration : 20 minutes

### Summary

Greater physical stamina, better concentration at school or work, a more efficient metabolism, the evidence is overwhelming that a healthy breakfast is the key to a productive day. Yet it's the meal most likely to be skipped by children, teenagers, and adults alike. This video brings home the importance of the day's first meal by exploring the numerous mental and physical benefits of a nutritious breakfast. Viewers will understand the relationship between eating and metabolism, specifically between breakfast and blood-sugar levels. The kinds of foods

that best fuel the body in the morning are also listed. A viewable/printable instructor's guide is available online. It correlates to the National Health Education Standards and the National Standards for Family and Consumer Sciences Education.



## Family Secrets: IMPLICATIONS FOR THEORY AND THERAPY

Author : Evan Imber-Black  
 Publisher : Psychotherapy.net  
 Year : 2007  
 Call Number : dvd RC488.5 .F36 2007  
 Subject : Family psychotherapy  
 Duration : 43 minutes

### Summary

Secrets have far-reaching implications for families, setting the stage for a tense emotional climate of guardedness, anger, and reactivity. In this illuminating video, Evan Imber-Black, an internationally recognized expert on rituals, larger systems, and family secrets, speaks to viewers about the implications of secrets, and techniques for ushering families through the process of identifying, understanding, and resolving secrets.

Dr. Imber-Black presents a series of insightful and moving family therapy sessions in which she models the various stages of helping families to uncover and examine key events in their family history, understand how these patterns may affect family functioning, decide whether, when, and how to reveal a secret, and promote fuller integration of the family history and events of the past.



## QUR'AN & MODERN SCIENCE: CONFLICT OR CONCILATION?

Publisher : Saba Islamic Media  
 Year : 2001  
 Call Number : vcd BP134.S3 .Q73.  
 Subject : Qur'an and Science

### Summary

In the age of science when after every 10 years, information becomes outdated or expired, where hundred and thousands of research papers are bringing revolution, what does a book says which was revealed by GOD about 1400 years ago. What is relation between Qur'an and modern science and how they are related with each other, listen what does great scholar says.

Contains two parts: Some of the questions that have been answered in this disc are: Most religious scriptures do not conform with reason, logic and science. Isn't it ridiculous to ask if the Qur'an agrees or disagrees with modern science; most scientist do not accept the existence of God, how can we accept God's word as scientific; can a scripture that describes the earth as a carpet be considered compatible with modern science.

Dr Zakir Naik is a medical doctor by profession but is renowned as a dynamic international orator on Islam and Comparative Religion. Dr. Zakir Naik clarifies Islamic viewpoints and clears misconceptions about Islam, using the Quran, authentic Hadith and other religious scriptures as a basis, in conjunction with reason, logic and scientific facts.




## Teaching secondary English with ICT

Editors: Anthony Adams and Sue Brindley  
 Publisher: Open University Press  
 Year: 2007.  
 ISBN: 9780335214457  
 Call Number: LB1631 .T43 2007

The book uses best practice and research based findings to examine the potential of information and communications technology (ICT) in English teaching. It describes how secondary English teaching can be enhanced by the use of ICT. It explores examples of successful work involving the use of ICT in speaking, listening, reading and writing, with a focus on the new literacies and how ICT shapes new language and literature experiences within the English classroom.

Drawing on the expertise of international figures in the field, classroom teachers and academic researchers, the book highlight 'good practice' in accessible discussions on research findings, with an emphasis across a number of countries on the interplay between classroom and theoretical approaches.

Inviting critical engagement with key ideas on teaching with ICT, this book is essential reading for teachers and teachers in training, as well as other education professionals.




## PhD THE PURSUIT OF EXCELLENCE

KAMARUL ZAMAN BIN AHMAD  
 THOMSON LEARNING  
 2008

PhD: The Pursuit of Excellence is an update edition of So You Want to get a PhD. This book aims to assist a final year Master's student or graduate in making an informed decision on whether or not to pursue a PhD. It provides the reader with an understanding of what a PhD actually is and what it can do for the holder. The book explains the structure of the thesis, the process of gathering information and writing. It includes a new chapter on Research Methodology as well as the author's new experiences and knowledge gained during his five year tenure as PhD supervisor and one-year tenure as Chairman of the PhD Committee. There is also a chapter on the seven strategies of excellence practiced by successful PhD students.

## AMALAN PENDEKATAN ISLAM HADHARI



Penyunting: Ahmad Sarji.  
 Penerbit: MPH Group Publishing Sdn Bhd dengan kerjasama Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).  
 Tahun: 2008.  
 ISBN: 9789833698738.  
 Nombor panggilan: mal BP63.M27 .A46 2008

Buku ini adalah merupakan hasil kerja pembentangan beberapa tokoh terkenal yang membincangkan dan menjelaskan mengenai Islam Hadhari dan pendekatannya. Ianya menekankan yang di dalam usaha mengembalikan kegemilangan tamadun Islam, umat Islam perlu kembali kepada prinsip utama kehidupan Muslim yang berpaksikan kepada pembangunan individu, masyarakat dan negara seiring dengan pembangunan ilmu di setiap peringkat kehidupan Muslim itu sendiri.

Buku ini menjelaskan yang pendekatan Islam Hadhari tersebut telah menggariskan amalan dan pendekatan yang perlu dipupuk hendaklah dari peringkat akar umbi sehinggalah kepada peringkat pucuk pimpinan sesebuah negara. Pendekatannya meletakkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah sebagai prinsip utamanya dan al-Quran dan as-Sunnah sebagai teras pegangan dan rujukan. Gabungan kemantapan aqidah, syariah (perundangan), akhlak dan nilai-nilai murni adalah teras bagi pembangunan diri yang baik dan soleh.

Secara keseluruhannya, buku ini dapat menjadi rujukan berguna yang dapat menjadi panduan kepada ahli masyarakat di setiap peringkat.

ISBN-13: 978-981-265-616-2  
 ISBN-10: 981265616-2  
 maI LB2386. K36 2007

## RESEARCH METHODS in EDUCATION

Louis Cohen,  
Lawrence Manion and  
Keith Morrison

Routledge  
Taylor & Francis Group  
2007

ISBN 0-415-37410-3  
LB1028.C572 2007

Research Methods  
in Education

John Wiley

Louis Cohen, Lawrence Manion  
and Keith Morrison

This rewritten and updated sixth edition of the long-running bestseller *Research Methods in Education* covers the whole range of methods currently employed by educational research at all stages. It has five main parts: the context of educational research, planning educational research, styles of educational research, strategies for data collection and researching and data analysis. The book contains references to a comprehensive dedicated web site of accompanying materials. It continues to be the standard text for students and lecturers undertaking, understanding and using educational research.



## KURSUS PEMBINAAN SEMANGAT BERPASUKAN

Pada 4-6 Mac 2009, beberapa orang kakitangan Perpustakaan USIM telah menyertai Kursus Pembinaan Semangat Berpasukan USIM Kali Keempat yang diadakan di Lembah Azwin Resort, Hulu Langat, Selangor. Kakitangan Perpustakaan yang terlibat adalah En. Mohamad Salbihan Salman, En. Mohamad Yusrifuddin Yusof, En. Mohd Azuwan Hood dan En. Mohamad Azhar Azhari. Sepanjang kursus berkenaan, mereka telah mengikuti pelbagai aktiviti secara berkumpulan yang melibatkan juga para peserta daripada jabatan-jabatan lain di USIM.

### Ada Apa Dengan Buku

Ya, ada apa dengan buku? Seperti cinta suci yang tulus, buku ada segalanya. Menjadi teman paling sabar, guru yang bijaksana dan jendela yang luas. Buku menawarkan ilmu, pengalaman juga bujukan buat mengisi kalbu, memperkaya pengetahuan, mempertajam minda, menguja nuansa – Dipetik daripada buku *Ada Apa Dengan Buku* karya Shaharom TM Sulaiman dan Suriati Shamsuddin.



## KELAB KAKITANGAN PERPUSTAKAAN USIM

Mesyuarat Agung Kelab Kakitangan Perpustakaan USIM (KEKITAAN) telah diadakan pada 13 Februari 2009. Hampir kesemua kakitangan Perpustakaan telah hadir bagi membincangkan isu-isu Kelab yang berbangkit, dan melantik Ahli Jawatankuasa Kelab yang baru bagi sesi 2009 – 2011. Dengan adanya pelantikan AJK yang baru ini, diharap, Kelab ini akan dapat berjalan dengan lebih lancar dan mantap.

Berikut merupakan AJK baru Kelab sesi 2009 – 2011.

Penasihat - En.Ahmad Yazid Ahmad  
@ Abdul Rahman  
Pengerusi - En.Marzuki Ismail  
Naib Pengerusi - Puan Rafeah Hassan  
Setiausaha - Puan Wan Azura Radzuan  
Bendahari - En.Muhammad Abdullah  
Penyelaras Biro Kebajikan - Puan Suzyla Abd.Aziz

Penyelaras Biro Sukan - En. Muhammad  
Jamal Nasir Rasdi  
Penyelaras Biro Ekonomi - Puan Hasmida Saleh  
Penyelaras Biri Kerohanian - En.Mohd Azuwan Hood  
Juruaudit Dalamam - Cik Harianti Hussain  
Juruaudit Dalamam - Cik Aishahtun Abdul Majid

## KAKITANGAN BARU PERPUSTAKAAN USIM



Nama : **Cik Hafizah binti Badri**  
Jawatan/Gred : Pustakawan S41  
Penempatan : Unit Multimedia  
Tarikh Lapor Diri : 22 Disember 2008



Nama : **Nurmas Ayu binti Ahmad Safri**  
Jawatan/Gred : Pembantu Perpustakaan S17  
Penempatan : Cawangan Pandan Indah  
Tarikh Lapor Diri : 15 Disember 2008



Nama : **Mohamad Salbihan bin Salman**  
Jawatan/Gred : Pustakawan S41  
Penempatan : Unit Sirkulasi  
Tarikh Lapor Diri : 22 Disember 2008

# Melangsungkan Perkahwinan

# KELAHIRAN

## Cahaya Mata


### Tahniah

kepada En. Ahmad Yazid (Pustakawan Unit Rujukan) dan pasangannya Puan Haryati Yaacob yang telah menyambut kelahiran cahaya mata lelaki bernama Amir Thaqif bin Ahmad Yazid pada 20 Januari 2009 serta En. Lukman Anwar bin Arifin (Pustakawan Unit Pembangunan Koleksi) dan Pn. Rozana Kamdani (Pustakawan Unit Terbitan Bersiri) di atas kelahiran cahaya mata mereka bernama Muhammad Alif Najwan bin Lukman Anwar pada 30 Januari 2009.




*Adik Marissa*

Ucapan tahniah juga diucapkan kepada pasangan En. Mohd. Jamil Ahmad Mokhtar (Pembantu Perpustakaan di Unit Terbitan Bersiri) dan Pn. Marfizah Md. Zain (Pembantu Perpustakaan di Unit Pembangunan Koleksi) di atas kelahiran cahaya mata mereka bernama Marissa Nur Raisha pada 29 Mac 2009. Semoga bertambah keceriaan dalam kehidupan mereka sekeluarga. Amin.



*Adik Muhammad Alif Najwan*



*Adik Amir Thaqif*



### TAHNIAH!!

En. Muhammad Hafizi bin Ahmad, Pustakawan di Unit Pembangunan Koleksi, bersama pasangannya Pn. Nor Aiasah binti Aris pada 14 Mac 2009 di Kampung Padang, Pekan Pahang.

**Semoga mahligai yang dibina kekal abadi. Amin..**



Pn. Suzyla binti Abd Aziz, Pembantu Perpustakaan di Unit Sirkulasi, bersama pasangannya En. Mohd Hafifi bin A. Jabar pada 28 Februari 2009 di Sungkai, Perak Darul Ridzuan.





Sambungan dari muka surat 14...

### 3. BILIK KAREL

Kemudahan Bilik Karel di bangunan baharu Perpustakaan USIM merupakan salah satu perkhidmatan baharu yang disediakan kepada para pengguna. Sebanyak 29 buah bilik disediakan, iaitu 26 bilik di Aras 1, manakala 3 bilik di Aras 2 (dalam Koleksi Undang-undang). Hanya seorang pengguna sahaja dibenarkan dalam satu-satu masa kerana ia disediakan untuk pengguna yang ingin membuat rujukan secara bersendirian. Pengguna yang berdaftar sahaja boleh menggunakan kemudahan ini. Pengguna tidak dikenakan sebarang bayaran untuk menggunakan bilik tersebut. Buat masa sekarang, pengguna bebas menggunakannya tanpa had masa. Penetapan had masa akan dilakukan sekiranya kemudahan ini mendapat sambutan menggalakkan daripada para pengguna. Sepeti Bilik Perbincangan juga, caj denda sebanyak RM10.00 akan dikenakan sekiranya pengguna gagal memulangkan atau menghilangkan kunci bilik tersebut. Tempahan boleh dilakukan di Kaunter Sirkulasi, Aras 1.



## Wi-Fi @ Perpustakaan USIM

Pihak pengurusan Perpustakaan telah mempertingkatkan perkhidmatan Wi-Fi ke seluruh bangunan Perpustakaan secara percuma kepada semua pengunjungnya. Untuk menggunakan perkhidmatan ini, para pengguna perlu mendaftar terlebih dahulu dengan Unit Rangkaian, Pusat Pengurusan Ilmu dan Teknologi Maklumat (PPITM). Beberapa lokasi yang strategik telah dikena! pasti bagi meletakkan access point (AP) untuk membolehkan pengguna mendapat 'signal' yang terbaik ketika melayari Internet. Pihak Perpustakaan juga telah memperuntukkan sebanyak 120 terminal 'hotspot' di Aras 3 yang dilengkapi dengan punca elektrik bagi membolehkan penggunanya memperolehi kemudahan ini dengan lebih selesa. Terminal ini disediakan bagi mengelakkan penggunanya daripada menggunakan punca elektrik yang tidak bersesuaian pada lokasinya serta mengganggu laluan para pengguna yang lain.